

**Abdul Ghapur Sokong Cadangan Calon Naib Presiden Dapat Restu Najib
Bernama
16 Sept, 2013**

TAWAU, 16 Sept (Bernama) -- Anggota Parlimen Kalabakan Datuk Seri Abdul Ghapur Salleh menyokong cadangan agar mereka yang berhasrat menandingi jawatan naib presiden parti perlu mendapat restu Datuk Seri Najib Tun Razak selaku Presiden Umno.

Ketua Umno Bahagian Kalabakan itu berkata restu berkenaan perlu kerana mereka yang dipilih akan bekerjasama dengan Najib.

"Saya sependapat dengan (Naib Presiden Umno) Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi agar pandangan dan nasihat Datuk Seri Najib Tun Razak diperoleh terlebih dahulu oleh setiap calon yang mahu bertanding jawatan naib presiden.

"Ini kerana mereka yang menjadi naib presiden bakal memikul tanggungjawab dalam mendukung kepimpinan Datuk Seri Najib dan Timbalan Presiden Umno Tan Sri Muhyiddin Yassin yang juga Timbalan Perdana Menteri," katanya dalam kenyataan, di sini Isnin.

Abdul Ghapur juga berkata adalah lebih baik jika tidak ramai calon menandingi jawatan naib presiden bagi mengelak perpecahan dalam parti.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=978050>